

Headline	Operasi pastikan alat elektrik miliki label SIRIM		
MediaTitle	Berita Harian (Sabah)		
Date	31 Mar 2017	Color	Black/white
Section	News	Circulation	41,000
Page No	11	Readership	123,000
Language	Malay	ArticleSize	232 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 711
Frequency	Daily	PR Value	RM 2,133



Operasi pastikan alat elektrik miliki label SIRIM

Sandakan: Bukan sahaja tiada label SIRIM, malah jenama barangan elektrik yang dijual diragui kualitinya kerana dipercayai dibawa masuk secara tidak sah dari luar negara.

Apabila disoal, peniaga memberi pelbagai alasan, termasuk tidak tahu menilai label SIRIM dan mendakwa membuat pesanan daripada pengedar tanpa mengetahui ia tidak memiliki ciri keselamatan kerana membeli hanya berdasarkan gambar.

Itu antara alasan diberi peniaga barangan dan kelengkapan elektrik bagi mengelak barangan di premis mereka dirampas dalam operasi Suruhanjaya Tenaga (ST) di Bandar Prima di sini, semalam.

Pengarah Wilayah ST Pantai Ti-

mur Sabah, Mohd Yusrul Yusof, berkata sikap tidak bertanggungjawab peniaga menjual barangan tidak disahkan SIRIM mengundang risiko kepada pengguna jika berlaku kerosakan.

Lindungi pengguna

Justeru, katanya, operasi itu dilaksanakan dengan kerjasama Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) untuk memastikan penjual mematuhi peraturan, sekali gus melindungi kepentingan pengguna.

“Sasaran kita adalah premis yang pernah diserbu untuk memastikan mereka tidak lagi menjual barangan tiada label SIRIM.

“Kita mendapati sebahagian be-


sar peniaga sudah mula mematuhi keperluan peraturan, namun masih ada lagi segelintir yang tidak peka,” katanya di sini, semalam.

Operasi lebih enam jam itu menumpukan enam premis, antaranya di Bandar Prima dan Indah Jaya yang pernah dikeluarkan notis larangan menjual barangan tiada label SIRIM.

Beberapa barangan, termasuk adaptor turut dirampas kerana tiada label SIRIM serta dikhuatiri membahayakan keselamatan pengguna.

Mohd Yusrul berkata, barangan elektrik dari luar negara perlu mendapatkan pelepasan Jabatan Kastam Diraja Malaysia, kelulusan ST serta SIRIM sebelum dibenarkan dijual.

[FOTO POLIANA RONNIE SIDOM/BH]



Mohd Yusrul (kanan) memeriksa alat elektrik yang dijual dalam operasi yang diadakan di sekitar Sandakan, semalam.